

**KECENDERUNGAN KERJAYA KEUSAHAWANAN DI NEGERI
TERENGGANU DALAM KALANGAN AHLI PROGRAM TUNAS NIAGA**

WAN MOHD ZAIFURIN WAN NAWANG @ W. AHMAD

**Tesis ini Disediakan bagi Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Doktor
Falsafah di Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi
Universiti Malaysia Terengganu**

November 2015

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

KECENDERUNGAN KERJAYA KEUSAHAWANAN DI NEGERI TERENGGANU DALAM KALANGAN AHLI PROGRAM TUNAS NIAGA

WAN MOHD ZAIFURIN WAN NAWANG @ W. AHMAD

November 2015

Penyelia Utama : Nor Hayati Sa'at, Ph.D.

**Penyelia Bersama : Profesor Madya Sabri Ahmad, Ph. D.
: Profesor Ibrahim Mamat, Ph.D.**

Pusat Pengajian : Pembangunan Sosial dan Ekonomi

Kerajaan Negeri Terengganu menetapkan wawasan untuk menjadikan "Terengganu Negeri Maju Menjelang Tahun 2020." Harapan ini dilunaskan melalui perlaksanaan program dan projek awam yang seiring Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010) dan Kesepuluh (2011-2015). Kerajaan negeri menyediakan ruang pameran, pusat reka bentuk, pembangunan dan penyelidikan, konsep perkedaians francais dan khusus produk tempatan supaya dapat menggalakkan rakyat terutama generasi muda menceburi bidang keusahawanan. Bagaimanapun, hanya segelintir pelajar di negeri ini menyertai kegiatan kokurikulum keusahawanan di sekolah. Oleh itu, kajian ini ingin mengkaji kecenderungan menceburi bidang keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah menengah yang mengikuti Program Tunas Niaga. Kajian ini mempunyai enam objektif utama: (i) mengkaji profil ahli Program Tunas Niaga; (ii) mengukur tahap kecenderungan menceburi bidang keusahawanan dalam kalangan ahli Program Tunas Niaga; (iii) mengkaji perbezaan kecenderungan menceburi bidang keusahawanan dalam kalangan ahli Program Tunas Niaga mengikut profil terpilih; (iv) menentukan

perkaitan antara faktor-faktor peramal dengan kecenderungan menceburi bidang keusahawanan dalam kalangan ahli Program Tunas Niaga; (v) menentukan hubungan antara faktor-faktor peramal dengan kecenderungan menceburi bidang keusahawanan dalam kalangan ahli Program Tunas Niaga; (vi) dan menentukan hubungan kebaikan pekerjaan keusahawanan sebagai pengantara antara faktor-faktor peramal dan kecenderungan menceburi bidang keusahawanan dalam kalangan ahli Program Tunas Niaga. Kajian ini dijalankan secara pendekatan kuantitatif di mana kaedah tinjauan digunakan. Seramai 379 orang pelajar yang menjadi ahli Program Tunas Niaga di 41 buah sekolah menengah sekitar Negeri Terengganu dipilih secara rawak untuk menjawab borang soal selidik. Data diperolehi dari soal selidik dianalisis menggunakan statistik deskriptif (bilangan dan peratus) dan inferensi (Ujian-t, Ujian ANOVA Varian Sehala, Regresi Pelbagai dan Regresi Pelbagai Hierarki). Terdapat petunjuk ahli Program Tunas Niaga sudah sedar betapa pentingnya menceburi bidang keusahawanan kerana sebahagian besar cenderung bekerja sebagai usahawan pada masa depan. Kecenderungan ahli Program Tunas Niaga berbeza mengikut aliran kelas dan penglibatan adik-beradik atau ahli keluarga dalam bidang keusahawanan. Faktor peramal seperti kewangan, model peranan, halangan, pengenalan sosial dan kemahiran keusahawanan didapati mempengaruhi kecenderungan menceburi bidang keusahawanan. Manakala kebaikan pekerjaan keusahawanan sebagai pengantara antara faktor peramal seperti kewangan, model peranan, halangan dan kemahiran keusahawanan dan kecenderungan menceburi bidang keusahawanan. Oleh itu, kepentingan faktor peramal kewangan, model peranan, halangan dan

kemahiran keusahawanan boleh digunakan untuk menggalakkan pemupukan kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah menengah yang mengikuti Program Tunas Niaga. Peluang terbuka luas untuk pihak berwajib seperti Bahagian Pembangunan Usahawan di bawah Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu meningkatkan usaha dan mengubah pendekatan membawa perubahan kepada generasi muda ini supaya mereka cenderung menceburi bidang keusahawanan pada masa depan. Di samping itu, dapat membantu meningkatkan bilangan usahawan muda dan menangani masalah pengangguran dalam kalangan pelajar lepasan sekolah di Malaysia. Kajian ini juga dapat menyumbang kepada literatur kecenderungan menceburi bidang keusahawanan dalam kalangan rakyat Malaysia khususnya di Negeri Terengganu.

Abstract of thesis presented to the School for Social and Economic
Development in fulfillment of the requirements for the Degree of Doctor of
Philosophy

**THE ENTREPRENEURSHIP CAREER INCLINATION IN TERENGGANU
AMONG THE MEMBERS OF TUNAS NIAGA PROGRAMME**

WAN MOHD ZAIFURIN WAN NAWANG @ W. AHMAD

November 2015

Main Supervisor : Nor Hayati Sa'at, Ph.D.

**Co- Supervisor : Associate Professor Sabri Ahmad, Ph.D.
: Professor Ibrahim Mamat, Ph.D.**

School : Social and Economic Development

Terengganu State Government set a vision to make "Terengganu Developed by 2020." This expectations are amortized through the implementation of programs and public projects along the Ninth Malaysia Plan (2006-2010) and Tenth (2011-2015). The state government provides exhibition space, the center of the design, research and development, franchise store concept and special local products to be able to encourage people especially young people to become entrepreneurs. However, only a few students secondary school in the state to participate in activities cocurricular entrepreneurship. Therefore, this study aimed to examine intention to involve in the field entrepreneurship among secondary school students who participate in the Tunas Niaga Programme. This study has six main objectives: (i) study the profile of the Tunas Niaga Programme members; (ii) measure the intention to involve in the field of entrepreneurship among Tunas Niaga Programme members; (iii) examine the differences in the intention to involve in the field of entrepreneurship among Tunas Niaga Programme members in

accordance with the selected profile; (iv) determine the correlate between predictor factors and intention to involve in the field entrepreneurship among Tunas Niaga Programme members; (v) determine the relationship between the predictor factors and intention to involve in the field entrepreneurship among Tunas Niaga Programme members; (vi) and to determine the relationship goodness of employment entrepreneurship as an intermediary between the predictor factors and intention to involve in the field entrepreneurship among Tunas Niaga Programme members. The study was conducted on a quantitative approach in which the survey method used. A total of 379 students who are Tunas Niaga Programme members in 41 secondary schools in Terengganu is randomly selected to answer the questionnaire. Data obtained from the questionnaires were analyzed using descriptive statistics (number and percentage) and inferential (T-test, One-way ANOVA Variants, Multiple Regression and Multiple Regression Hierarchy). There are guides Tunas Niaga Programme members have come to realize the importance of entrepreneurship as the most likely to work as an entrepreneur in the future. Intention to involve in the field of entrepreneurs Tunas Niaga Programme members vary according to the class and the involvement of siblings or family members in the field of entrepreneurship. Five predictive factors such as finance, role model, barriers, social identity and entrepreneurial skills to influence their intention to involved in the field of entrepreneurship. Goodness of employment entrepreneurship as an intermediary link between the four predictive factors such as finance, role model, barriers and entrepreneurial skills with a intention to involved in the field of entrepreneurship Thus, the importance of predictive factors financial,

role model, barriers and entrepreneurial skills can be used to promote the cultivation of intention to involve in the field of entrepreneurship among secondary school students who follow the Tunas Niaga Programme. Opportunities abound for the authorities as Entrepreneur Development Division under the State Economic Development Corporation to intensify efforts to bring change and transform the approach to the younger generation so that they are likely to become entrepreneurs in the future. In addition, it can help increase the number of young entrepreneurs and to address the problem of unemployment among school leavers in Malaysia. This study contributes to the literature can also be a intention to involve in the field of entrepreneurship among Malaysians especially in Terengganu.